

11 JAN 1998

Kampung Buku

HAMPIR 25,000 PENGUNJUNG MELAWAT KAMPUNG BUKU MALAYSIA

ALOR SETAR, 11 Jan (Bernama) -- Hampir 25,000 orang pelawat dari dalam dan luar negara telah mengunjungi Kampung Buku Malaysia, di Langkawi, sejak ia dibuka 3 Dis lepas.

Menurut Setiausaha Pengurusan Kampung Buku itu, Sohaimi Zainal Abidin, bilangan pelawat yang berkunjung ke situ kini mulai meningkat setelah pihaknya mempergiatkan usaha mempromosi tempat itu.

"Antara langkah-langkah promosi yang diambil ialah mengiklankan Kampung Buku itu dalam majalah pelancongan milik syarikat penerbangan tempatan dan luar negeri," katanya di sini.

Kampung Buku itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merupakan yang pertama di Asia Tenggara daripada 12 buah kampung buku yang terdapat di seluruh dunia.

Hampir setengah juta buku pelbagai tajuk dalam pelbagai bahasa ditempatkan di Kampung Buku itu oleh pihak pembekal dan penerbit buku terkenal.

Menurut Sohaimi, kira-kira 300 hingga 500 orang mengunjungi kampung buku itu setiap hari.

Bilangan pelawat yang berkunjung ke kampung buku itu pernah mencecah sehingga 4,000 orang sehari apabila Kumpulan Senario mengadakan persembahan mereka di situ baru-baru ini, katanya.

Oleh itu, beliau berkata, pihak pengurusan Kampung Buku itu akan lebih kerap mengadakan persembahan kebudayaan dan forum bagi menarik minat pelawat sehingga ianya mencapai sasaran dua juta pengunjung dalam masa setahun.

Selain itu, katanya, Kampung Buku di sini akan dihubungkan dengan rangkaian Kampung Buku di seluruh dunia melalui Internet bagi memberi pendedahan yang lebih meluas kepada para peminat buku dan para profesional dalam industri perbukuan. -- BERNAMA.

MN JM PR